Title	Cerpen remaja Melayu Singapura: Satu pengamatan stilistik
Author(s)	Mohd Aidil Subhan
Source	*Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Kebudayaan Melayu ke-2 bertemakan "Ke arah bitara kesarjanaan Melayu", Singapura, 1-3 September 2002*

This document may be used for private study or research purpose only. This document or any part of it may not be duplicated and/or distributed without permission of the copyright owner.

The Singapore Copyright Act applies to the use of this document.

Cerpen Remaja Melayu Singapura : Satu Pengamatan Stilistik

Oleh: Mohd Aidil Subhan
NIE /NTU Singapura

Pendahuluan

Stilistik masih merupakan satu pendekatan baru dalam pengkajian kesusasteraan Melayu, terutama sekali di Singapura. Kemunculan pendekatan ini berkait rapat dengan linguistik sehingga ada sarjana berpendapat bahawa sastera dan linguistik adalah sejalan dan sehaluan sejak berkurun lamanya (Farid M. Onn, 1980). Dengan demikian, stilistik atau ilmu gaya dapat didefinisikan sebagai kajian variasi linguistik, iaitu gaya yang mempunyai hubungan yang rapat dengan konteks teks dan konteks situasi. Jadi stilistik sebenarnya mempunyai hubungan yang intim dengan sosiolinguistik dan dialektologi yang merupakan cabang linguistik. Hal ini disokong oleh Mana Sikana (1982),

> *"Stilistika ialah suatu metodologi pendekatan bahasa sastera atau satu pengamatan terhadap bahasa kreatif khususnya aspek-aspek figuratif dan emosi daripada sudut linguistik. Dalam konteks ini, pengetahuan linguistik sangat diperlukan untuk melihat variasi dan deviasi tersebut dalam semua aspek iaitu : fonologi, leksikal, sintaksis dan semantik termasuk juga segala asosiasi bahasa imaginatif seperti imej, simbol, metafora, personifikasi, suasana, irama, rima muzik dan lain-lain lagi."*
>
> *(Mana Sikana, 1982:410)*

Walaupun linguistik dan stilistik dikatakan sejalan dan sehaluan, namun kedua-dua bidang ini tetap merupakan dua entiti yang berbeza. Ullmann (1957) menjelaskan,

> *"Stylistics is not a branch of linguistics; it is a parallel science which examines the same problems from a different point of view. It will therefore have the same subdivisions as linguistics."*
>
> *(Ullmann S., 1957:10)*

Menurut beliau, stilistik bukan cabang linguistik, tetapi merupakan satu bidang yang sehaluan, yang melihat dan meneliti masalah dari sudut yang berbeza. Oleh itu, ia mempunyai pecahan yang serupa dengan bidang linguistik.

Malah, Nik Safiah Karim berpendapat bahawa pendekatan linguistik terhadap sastera adalah sebagai bidang penyumbang yang tidak bertujuan mengatasi bidang sastera tetapi sebaliknya bersifat menggunakan teori-teori linguistik untuk memperkayakan lagi bidang sastera. Tegasnya, stilistik memiliki kredibilitinya yang tersendiri untuk menganalisis gaya bahasa di dalam karya sastera.

Analisis stilistik tidak hanya melihat unsur-unsur bahasa yang sedia ada pada sebuah karya sastera tetapi lebih dari itu. Ia meninjau unsur penyimpangan, pola-pola perulangan serta eksploitasi kemungkinan-kemungkinan tatabahasa. Tujuan analisis ini ialah untuk memperlihatkan nilai-nilai keindahan yang terdapat dalam karya sastera tersebut. Nilai keindahan itu pula ditumpukan pada bahasa, dan hakikat keindahan bahasa itu pada dasarnya terletak pada kehalusan, kesempurnaan dan kemuliaan penggunaannya dalam mengungkapkan pernyataan perasaan dan pemikiran. Oleh kerana keindahan dan kecantikan bahasa ditemui melalui penilaian cita rasa maka kesan daripada pengalaman seseorang amat mempengaruhinya.

Di samping itu, analisis stilistik juga bertujuan untuk melihat sejauhmana berhasilnya seseorang penulis mengolah atau mendayagunakan bahasa yang sesuai sebagai penerapan karya kreatif yang memiliki tiga sifat utama, iaitu imaginatif, figuratif dan simbolik.

Adalah diharapkan dengan analisis tersebut, matlamat pendekatan stilistik dapat dicapai oleh ahli-ahli stilistik untuk menerangkan keindahan sesebuah hasil sastera dengan menunjukkan secara kuantitatif keselarasan pemakaian ciri-ciri keindahan bahasa tertentu yang universal dalam karya tersebut. Selain itu, analisis stilistik juga diharap dapat membimbing pembaca menikmati karya

sastera dengan lebih baik serta membimbing penulis karya tersebut memperbaiki atau meninggikan mutu karyanya.

Untuk kajian ini, lima buah cerpen dipilih dari koleksi cerpen-cerpen Kelab Coretan Remaja Berita Harian Singapura berjudul Bingkisan : Sebuah Antologi Cerpen-Cerpen Remaja (Kerjaya, 1999). Tajuk-tajuk cerpennya adalah Sulaiman Slyman oleh Muhammad Thamrin Kamsan, Doktor Remaja oleh Sharifah Khadijah Aljoofri, Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin oleh Norfazilah Abdul Rashid, Epilog Semalam oleh Hazleeya Mad Ali, dan Ira oleh Masidah Khamis.

Penggunaan Ayat

Cerpen	Ayat Penyata (%)	Ayat Tanya (%)	Ayat Seruan (%)	Ayat Perintah (%)	Jumlah
SS[1]	102 (87.2)	6 (5.1)	7 (6.0)	2 (1.7)	**117**
DR[2]	247 (79.9)	26 (8.4)	30 (9.7)	6 (2.0)	**309**
ES[3]	190 (79.4)	21 (8.8)	27 (11.3)	1 (0.5)	**239**
WTBTL[4]	116 (95.1)	5 (4.1)	1 (0.8)	0 (0)	**122**
Ira	166 (74.8)	29 (13.1)	27 (12.2)	0 (0)	**222**
Jumlah (S)	**821 (81.4)**	**87 (8.6)**	**92 (9.1)**	**9 (0.9)**	**1,009**

Berdasarkan jadual di atas, cerpen Sulaiman Slyman (SS), menggunakan 102 Ayat Penyata, 6 Ayat Tanya, 7 Ayat Seruan, dan hanya 2 Ayat Perintah. Cerpen

[1] Sulaiman Slyman
[2] Doktor Remaja
[3] Epilog Semalam
[4] Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin

Doktor Remaja (DR), menggunakan 247 Ayat Penyata, 26 Ayat Tanya, 30 Ayat Seruan, dan 6 Ayat Perintah. Cerpen Epilog Semalam (ES), menggunakan 190 Ayat Penyata, 21 Ayat Tanya, 27 Ayat Seruan, dan hanya 1 Ayat Perintah. Cerpen Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin (WTBTL) menggunakan 116 Ayat Penyata, 5 Ayat Tanya, 1 Ayat Seruan, dan tiada Ayat Perintah. Cerpen Ira pula menggunakan 166 Ayat Penyata, 29 Ayat Tanya, 27 Ayat Seruan, dan tiada Ayat Perintah. Secara keseluruhannya, 5 cerpen pilihan penulis remaja Singapura ini menggunakan 821 Ayat Penyata, 87 Ayat Tanya, 92 Ayat Seruan, dan hanya 9 Ayat Perintah. Jumlah ayat keseluruhan yang digunakan ialah 1.006.

Cerpenis kerap menggunakan ayat yang padat dan ringkas sahaja.

1. Menggeletar dan berpeluh seluruh tubuhnya. (SS – m/s 1)
2. Nama saya Doktor Remaja. (DR – m/s 37)
3. Hati kecilku menjerit inginkan kebebasan (WTBTL – m/s 52)
4. Ibuku, Dewi Asmara namanya. (ES – m/s 85)
5. Ira masih terbaring di atas katil. (Ira – m/s 92)

Lima ayat di atas menggunakan antara 4 hingga 5 perkataan sahaja. Dan pembaca juga dapat merasakan bahawa perjalanan cerita cerpen-cerpen Singapura lebih pantas kerana Ayat-ayat Penyata yang digunakan kebanyakannya pendek-pendek belaka. Kurang kepada melankolik kecuali cerpen Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin yang menceritakan mengenai kematian seseorang kerana Aids! Oleh itu, penulis-penulis remaja pandai menyesuaikan diri menggunakan jumlah kata dalam ayat untuk disesuaikan dengan mood yang hendak dicapai.

Contoh penggunaan Ayat Tanya

1. "Dah kenapa dengan budak ni?" (SS – m/s 1)
2. Nak tahu hidup saya dalam sehari? Tak nak? (DR – m/s 38)
3. Kau tahu apa yang dihidapinya? (WTBTL – m/s 54)

4. Mengapa terlalu mudah engkau memilih jalan keluar daripada kekusutan? (ES – m/s 85)
5. "Eh! Apa tu? Boleh tengok gambar tu?" (Ira – m/s 94)

Ayat tanya ini merangkumi ayat tanya tanpa kata tanya dan dengan kata tanya. Meskipun jumlahnya kecil, tetapi penggunaan ayat jenis ini mampu menjadikan watak-wataknya hidup. Selain itu, penggunaannya berkesan ketika menggambarkan dan memperincikan konflik dalam jiwa watak manusianya yang meminta perhatian, menagih simpati, dan sanggup melakukan apa sahaja untuk terus hidup. Penggunaan ayat tanya oleh penulis-penulis remaja ini kelihatan teliti dan berjaya menimbulkan watak dalam cerita tersebut. Penulis remaja Singapura kerap menggunakan Ayat Tanya lebih kepada luar bentuk dialog, seperti yang tertera dalam contoh (2) – (3). Ini mungkin berlaku kerana lima cerpen pilihan Singapura menggunakan teknik pencerita serba tahu dan penceritaan monolog. Oleh itu kurang Ayat Tanya dalam dialog.

Contoh penggunaan Ayat Seruan

1. "Cut! Cut! Nombor lain datang oii!" (SS – m/s 3)
2. Biji saga pun tak tumbuh di wajah saya yang manis ini! (DR – m/s 37)
3. AIDS!! (WTBTL – m/s 54)
4. Janganlah kau terlalu menuruti nafsu, nanti binasa! (ES – m/s 85)
5. Ira mendengus. Ala, mimpi aje! (Ira – m/s 93)

Ayat seruan yang digunakan menunjukkan perasaan seperti berikut:

i) ketegasan dan kepastian
ii) memperlihatkan ayat yang mempunyai rasa dan pendirian yang tegas dan teguh
iii) perasaan gembira dan bangga ditunjukkan
iv) menunjukkan ayat yang memaparkan rasa sedih dan amat kecewa watak
v) menunjukkan gambaran perasaan yang penuh dengan kemarahan, kekecewaan, kemarahan, dan kekesalan.

Penggunaan ayat seruan ini, meskipun tidak banyak, amat signifikan dalam menghidupkan suasana penceritaan, memberi nilai rasa dan dinilai erti pada pembaca, dan membangkitkan emosi pembaca. Oleh kerana tema cerita banyak berkisar kepada permasalahan remaja, maka penggunaan ayat seruan ini bertepatan dengan jalan cerita dan degan yang mana waak-watak banyak mengelamun atau menunjukkan perasaan mereka meminta sesuatu.

Contoh Penggunaan Ayat Perintah

1. "Kil ... jangan main-main ..." (DYKK – m/s 60)
2. Lupakan aje. (SS – m/s 1)
3. Mari saya periksa awak. (DR – m/s 38)
4. "Dewi, duduk sini, papa nak cakap sikit." (ES – m/s 86)

Ayat Perintah tidak meluas penggunaannya sehinggakan dua cerpen pilihan Singapura, iaitu Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin dan Ira tidak menggunakannya. Berdasarkan contoh-contoh yang diberi di atas, Ayat Perintah lebih khusus penggunaannya apabila watak dalam cerita hendak melarang atau meminta sesuatu dilakukan. Walhal, dalam cerpen-cerpen pilihan, watak-watak lebih menceritakan tentang pengalaman mereka. Ini amat bersesuaian dengan psikologi penulisan remaja yang lebih memberatkan pengalaman mereka dan kurang mengembangkannya kepada bentuk fiksyen yang lebih menarik. Kurang penggunaannya juga kerana ayat perintah lebih sering digunakan dengan penglibatan orang kedua, manakala cerpen-cerpen pilihan, banyak menggunakan teknik penceritaan watak serba tahu.

Penggunaan Ayat Tunggal

Cerpen	FN+FN	FN+FK	FN+FA	FN+FS	AT	AM	Jumlah sampel	%
SS	9	48	6	0	63	53	116	**54**
DR	83	76	79	3	241	89	330	**73**
WTBTL	14	17	16	0	57	65	122	**37**
ES	52	84	33	3	172	72	244	**70**
Ira	37	85	48	3	173	47	220	**79**
Jumlah	**195**	**310**	**182**	**9**	**706**	**326**	**1,032**	**68**

Berdasarkan jadual di atas, penulis-penulis remaja Singapura gemar menggunakan Ayat Tunggal berbanding dengan Ayat Majmuk. Dari peratusan yang didapati, tiga cerpen remaja Singapura mencatatkan penggunaan Ayat Tunggal yang tinggi iaitu melebihi 70% (antara 70% - 79%). Dua cerpen yang lain mencatatkan penggunaan Ayat Tunggal sebanyak 54% dan 37%. Penulis Singapura gemar menggunakan Ayat Tunggal binaan FN + FK. Ini juga diikuti oleh penggunaan FN + FN dan FN + FA. Tetapi terdapat dua penulis yang tidak menggunakan sama sekali Ayat Tunggal binaan FN + FS dalam karya mereka.

Penggunaan Ayat Tunggal & Ayat Majmuk (Singapura)

Cerpen	Ayat Tunggal	Ayat Majmuk	Jumlah
SS	63	53	**116**
DR	241	89	**330**
WTBTL	57	65	**122**
ES	172	72	**244**
Ira	173	47	**220**
Jumlah	**706**	**326**	**1032**

Berdasarkan jadual di atas, bagi cerpen Sulaiman Slyman, penulisnya menggunakan 63 Ayat Tunggal berbanding dengan 53 Ayat Majmuk, cerpen Doktor Remaja menggunakan jumlah Ayat Tunggal terbanyak, iaitu 241 berbanding dengan hanya 89 Ayat Majmuk. Hanya bagi cerpen Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin, penulisnya menggnuakan jumlah Ayat Tunggal yang sedikit sahaja, iaitu 57 berbanding dengan 65 Ayat Majmuk yang digunakan. Cerpen Epilog Semalam mencatatkan penggunaan Ayat Tunggal sebanyak 172 dan Ayat Majmuk sebanyak 72 sahaja. Terakshir sekali, cerpen Ira mencatatkan penggunaan Ayat Tunggal sebanyak 173, dan Ayat majmuk sebanyak 47, iaitu yang terendah.

Contoh-contoh penggunaannya adalah seperti berikut:

1. Menggeletar dan berpeluh seluruh tubuhnya. (SS – m/s 1)
2. Kononnya nak sembunyikan kepala saya yang separuh botak. (DR – m/s 37)
3. Entah bagaimana nasibku di sana, hanya Tuhan yang Maha Pengampun dan Maha Penyayang sahaja yang mengetahuinya. (WTBTL – m/s 52)
4. Mereka gagal untuk mencorakkan hidup yang sama cantik untuk insan itu.

5. Cantik atau tidak bukan ukurannya. (Ira – m/s 92)

Contoh ayat penulis Singapura kebanyakannya menggunakan Ayat Majmuk yang bersifat sama ada gabungan atau pancangan. Tiada banyak penggunaan Ayat Majmuk Campuran. Ini dapat kita lihat dalam contoh di atas, kecuali ayat (3) yang rata-rata menggunakan satu sahaja bentuk kata hubung, iaitu sama ada kata hubung gabungan atau kata hubung pancangan. Contoh (3) merupakan Ayat Majmuk Campuran yang kurang digunakan oleh penulis-penulis remaja Singapura. Pengkaji mengandaikan kekurangan ini berlaku kerana penulis-penulis Singapura lebih gemar menyampaikan sesuatu dalam bentuk yang seringkas mungkin.

Jadual Penggunaan Jenis-jenis Ayat Majmuk

Cerpen	AMG	AMP	AMC	Jumlah
SS	24	6	23	**53**
DR	40	20	29	**89**
WTBTL	27	15	23	**65**
ES	35	12	25	**72**
Ira	20	10	17	**47**
Jumlah	**146**	**63**	**117**	**326**

Berdasarkan jadual di atas, penulis-penulis remaja Singapura menggunakan 146 Ayat Majmuk Gabungan, 63 Ayat Majmuk Pancangan dan 117 Ayat Majmuk Campuran. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penulis-penulis remaja Singapura menggunakan 24 Ayat majmuk Gabungan untuk cerpen Sulaiman Slyman, 40 untuk cerpen Doktor Remaja, 27 untuk Warkah

Terakhir Buat Tatapan Lin, 35 untuk cerpen Epilog Semalam, dan 20 untuk cerpen Ira. Jumlah kedua terbanyak ialah untuk Ayat Majmuk Campuran, iaitu 23 untuk cerpen Sulaiman Slyman, 29 untuk cerpen Doktor Remaja, 23 untuk cerpen Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin, 25 untuk cerpen Epilog Semalam, dan 17 untuk cerpen Ira. Jumlah terkecil ialah Ayat Majmuk Pancangan, iaitu hanya 6 untuk cerpen Sulaiman Slyman, 20 untuk cerpen Doktor Remaja, 15 untuk cerpen Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin, 12 untuk cerpen Epilog Semalam, dan 10 untuk cerpen Ira.

Jadual Penggunaan Ayat Aktif dan Ayat Pasif

Cerpen	Ayat Aktif	Ayat Pasif	Jumlah
SS	106	8	**114**
DR	314	12	**326**
WTBTL	122	0	**122**
ES	240	7	**247**
Ira	215	7	**222**
Jumlah	**997**	**34**	**1031**

Bagi Jadual di atas pula, cerpenis remaja Singapura menggunakan sejumlah 997 Ayat Aktif berbanding dengan hanya 34 Ayat Pasif. Perinciannya menunjukkan bahawa cerpen Sulaiman Slyman menggunakan 106 Ayat Aktif berbanding dengan hanya 8 Ayat Pasif, cerpen Doktor Remaja menggunakan 314 Ayat Aktif berbanding dengan hanya 12 Ayat Pasif, cerpen Epilog Semalam menggunakan 240 Ayat Aktif berbanding dengan hanya 7 Ayat Pasif, dan cerpen Ira menggunakan 215 Ayat Aktif berbanding dengan hanya 7 Ayat Pasif,

manakala cerpen Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin menggunakan 122 Ayat katif tanpa menggunakan Ayat Pasif sama sekali.

Penggunaan ayat aktif dan ayat pasif ini mewujudkan unsur perincian cerita dalam cerpen-cerpen pilihan kerana menerusi penggunaan kata yang jelas dan sederhana, segala pergolakan fikiran dan perasaan watak-watak dan latar dapat diperturunkan dengan jelas, menarik dan bertenaga. Di samping itu, penggunaan ayat-ayat yang sederhana panjang dan panjang, dengan dibantu oleh ayat yang pendek telah menjayakan penyampaian mesej dan idea ketika membicarakan masalah masyarakat seperti kehakisan moral remaja, perhubungan antara manusia dan alam di samping menjadikan cerita lebih menarik dan hidup. Yang jelas, penggunaan ayat aktif dan ayat pasif berjaya menimbulkan nilai estetika yang dapat dilihat bukan sahaja dari sudut sastera tetapi juga dari segi linguistik.

Penulis remaja Singapura lebih gemar menggunakan Ayat Aktif dari Ayat pasif. Namun demikian, kekurangan ketara penggunaan Ayat Pasif tidak menjejas aspek estetika ayat penulis-penulis kerana diimbangi dengan bentuk-bentuk ayat yang lain, iaitu seperti kepelbagaian penggunaan antara Ayat Tunggal dan Ayat Majmuk, dan juga kepelbagaian penggunaan Ayat Majmuk Gabungan, Ayat Majmuk Pancangan dan Ayat Majmuk Campuran.

Penggunaan bentuk pegulangan dalam ayat.

Penulis-penulis remaja Singapura juga berjaya menggunakan bentuk pengulangan yang serupa. Contoh unsur pengulangan bentuk anafora terdapat dalam ayat (1) yang mana kedua-dua ayat yang berurutan itu dimulai dengan kata "Dia". Contoh ayat (2) pula menunjukkan unsur pengulangan bentuk epistrofa yang mana kata terakhir dalam kedua-dua ayat yang berurutan itu merupakan kata "remaja".

Unsur pengulangan bentuk mesodiplosis dapat kita lihat melalui contoh ayat (3) dan (4). Ayat (3) menunjukkan pengulangan kata "aku" dalam ayat yang

sama, manakala ayat (4) menunjukkan pengulangan kata "saya" dalam ayat yang sama.

Contoh unsur pengulangan bentuk epanalepsis dapat kita lihat dalam ayat (5) yang mana terdapat pengulangan kata yang sama pada permulaan dan akhir sesuatu ayat. Dalam contoh ini, kata "siapa" yang menjadi kata pertama dalam ayat itu diulangi dalam ayat yang sama sebagai kata terakhir.

Akhir sekali, kita lihat contoh unsur pengulangan bentuk anadiplosis pada ayat (6) yang mana kata terakhir ayat pertama "nama", diulangi sebagai kata pertama dalam ayat seterusnya. Berikut adalah contoh-contoh ayat yang dibinccangkan dari cerpenis Singapura.

Contoh-contoh:

1) Dia seperti bermain sembunyi-sembunyi. Dia bukan bermain sembunyi dengan Uncle. (Sulaiman Slyman – m/s 4)
2) Nama saya Doktor Remaja. Keistimewaan saya ialah remaja. (Doktor Remaja – m/s 37)
3) Aku mengenalinya semasa aku berada di sebuah disko. `(Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin – m/s 53)
4) Pantang saya melihat pasien saya kali kedua. (Doktor Remaja – m/s 42)
5) "Siapa rindu siapa?" (Ira – m/s 95)
6) Ya, emak dan ayah kepada ibu kandungku hanya pandai meletakkan nama. Nama yang cantik buat anak yang cantik. (Epilog Semalam – m/s 85)

Jadual Penggunaan Jenis Pengulangan

Cerpen	Anafora	Anadiplosis	Epanalepsis	Epistrofa	Mesodiplosis	Jumlah
SS	4	1	0	1	0	**6**
DR	9	8	7	1	8	**33**
WTBTL	6	0	0	0	5	**11**
ES	4	3	0	1	1	**9**
Ira	3	0	2	0	3	**8**
Jumlah	**26**	**12**	**9**	**3**	**17**	**67**

Berdasarkan jadual di atas, cerpen Doktor Remaja mencatatkan penggunaan tertinggi bentuk pengulangan iaitu 33, diikuti oleh cerpen Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin (11), cerpen Epilog Semalam (9), cerpen Ira (8), dan cerpen Sulaiman Slyman (6). Secara keseluruhan juga, jenis pengulangan unsur Anafora mencatatkan penggunaan tertinggi, iaitu 26, diikuti unsur Mesodiplosis (17), unsur Anadiplosis (12), unsur Epanalepsis (9), dan unsur Epistrofa (3).

Penulis-penulis remaja Singapura pula lebih cenderung kepada penggunaan unsur pengulangan bentuk anafora yang mana kata pertama dalam ayat pertama diulang pada kedudukan yang sama dalam ayat kedua. Ini berlaku atas alasan gaya penulisan mereka yang mengulangi unsur subjek dalam ayat-ayat yang digunakan sebagai penekanan akan perkara utama yang hendak disampaikan. Penegasan ini bersifat secara langsung dan memudahkan pembaca untuk memahami perkara utama yang hendak disampaikan itu.

1. Mata saya, hitam sepekat-pekatnya; kulit, hitam manis; orang kata hidung saya panjang macam nenek kebayan. (Doktor Remaja – Asindeton)

2. Saya pun mula memeriksanya dengan stetoskop besar yang tergantung di leher saya mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Persatuan Doktor Remaja (PDR). (Doktor Remaja – Polisindeton)

3. Assalamualaikum, Lin. Maafkan aku jika kedatangan warkahku ini mengganggu ketenteramanmu. (Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin – Litoses)
4. Jiwaku tersayat hiba. (Warkah Terakhir Buat Tatapan Lin – Perifrasis)

5. Aku tidak tahu bagaimana lagi hendak menasihati kau. Mengapa terlalu mudah engkau memilih jalan keluar daripada kekusutan? (Epilog Semalam – Eufemismus)

Penutup

Huraian data yang dilakukan memperlihatkan dengan jelas bahawa gaya bahasa penulis-penulis remaja Singapura memiliki ciri-ciri tertentu yang menarik. Dari segi pengolahan struktur dan unsur ayat, ternyata golongan penulis gemar menggunakan gaya pengulangan, dan gaya retorik. Gaya pengulangan yang ditemui termasuklah gaya pengulangan bentuk anafora, anadiplosis, epanalepsis, epistrofa, dan mesodiplosis. Kehadiran unsur pengulangan ini memberikan kesan dari segi nilai tumpuan dan penekanan terhadap sesuatu hal. Pengkaji berpendapat bahawa penggunaan gaya pengulangan ini menunjukkan usaha sama ada secara sedar ataupun tidak penulis-penulis remaja dalam menghasilkan karya yang bermutu tinggi.

Bibliografi

Abdul Razak bin Mohd. Kassim. (1995). "Puisi Latiff Mohidin Dalam Kembara Malam dan Rawa-Rawa : Satu Kajian Stilistik. Kuala Lumpur : Tesis Sarjana Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Awang Sariyan. (1984). "Kesinambungan Bahasa Dalam Karya Sastera Melayu (Malaysia) : Satu Kajian Linguistik Daripada Sudut Sintaksis". Kuala Lumpur : Tesis Sarjana Sastera Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

..... . (1985). **Dari Kata Ke Ideologi**. Petaling Jaya ; Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

..... . (1986). Bahasa Melayu Tinggi Ditinjau Dari Sudut Sintaksis, dalam Nik Safiah Hj. A. Karim, (ed.). (1986). **Bahasa Melayu Tinggi : Teori dan Penerapan**. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Cluysenaar, Anne. (1976). **Introduction to Literary Stylistics**. London : B.T. Batsford Limited

Enkvist N.E. (1964). On Defining Style, dalam John Spencer, (ed.). (1964). **Linguistics and Style**. London : Oxford University Press.

Farid M. Onn, (ed.). (1982). **Stilistik : Simposium Keindahan Bahasa**. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Halliday, M.A.K. dan Ruqaiya Hasan. (1976). **Cohesion in English**. London : Longman Group Limited.

Harimurti Kridalaksana. (1983). **Kamus Linguistik**. Jakarta : Penerbit PT Gramedia.

Jabatan Pengajian Melayu. (1990). **Stilistik : Pendekatan dan Penerapan**. Kuala Lumpur : Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Kelab Coretan Remaja. (1999). **Bingkisan : Sebuah Antologi Cerpen-Cerpen Remaja**. Singapura : Berita Harian Singapura.

Leech, G.N. dan Short, M.H. (1981). **Style In Fiction : A Linguistic Introduction to English Fictional Prose**. London : Longman Group Limited.

Umar Junus. (1989). **Stilistik : Satu Pengantar**. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.